

Latihan Pengukuhan Kata Adjektif & Kata Penguat

Nama: _____

A. Isi tempat kosong dengan kata penguat yang betul.

sangat	agak	betul	sekali	paling
--------	------	-------	--------	--------

1. Mereka berjaya mencipta alat komunikasi yang _____ canggih.
2. Microskop dapat melihat benda-benda yang _____ halus.
3. Pendingin hawa yang dipasang oleh ayah ini nyaman _____.
4. Pemandu kereta itu pantas _____ memotong kenderaan yang berada di hadapannya.
5. Kereta api itu bergerak _____ laju di landasannya.

B. Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian tuliskan kata adjektif yang terdapat dalam petikan di dalam kotak yang diberi.

Kami telah mengadakan gotong-royong pada hari Sabtu bagi membersihkan kelas. Pada hari itu, murid-murid datang awal. Mereka membawa pelbagai alat seperti kain buruk, cat, berus cat dan sebagainya. Kami mencuci kelas sehingga bersih. Kemudian, kami mengecat dinding kelas kami dengan warna kuning. Kami juga telah menyediakan alas meja yang berbentuk bulat bagi mengalas meja sudut bacaan agar kelas kami kelihatan lebih ceria dan kemas. Akhirnya, kami turut memasang langsir jingga yang nipis pada tingkap kelas kami.

Senaraikan kata adjektif yang terdapat dalam petikan.

1.	2.	3.	4.
5.	6.	7.	8.